



2 Oktober 2013
2 October 2013
P.U. (A) 305

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN SUKUK AGRO) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF AGRO SUKUK) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS
TERBITAN SUKUK AGRO) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan Sukuk Agro) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat itu ke atas terbitan Sukuk Agro yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

(2) Sukuk Agro yang disebut dalam subkaedah (1)—

(a) mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada takrif “sukuk” dalam Garis Panduan Sukuk yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti menurut seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

(b) adalah apa-apa sukuk yang diterbitkan atau ditawarkan mengikut prinsip *Musyarakah*, *Mudharabah*, *Wakalah bi al-Istithmar* dan *Ijarah* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Sukuk yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti menurut seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

(c) yang tujuh puluh peratus daripada hasil yang diperoleh daripada terbitan atau penawaran sukuk digunakan bagi maksud seperti yang berikut:

- (i) membiayai perniagaan dalam sektor pertanian (kecuali modal kerja);
- (ii) memperoleh perniagaan dalam sektor pertanian; atau
- (iii) kedua-dua aktiviti yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii).

(3) Sukuk yang diterbitkan atau ditawarkan mengikut prinsip *Wakalah bi al-Istithmar* yang disebut dalam perenggan (2)(b) hendaklah terdiri daripada komponen campuran hutang dan aset.

(4) Perniagaan dalam sektor pertanian yang disebut dalam perenggan (2)(c) ertinya suatu perniagaan yang menjalankan operasi atau aktiviti perniagaan berhubungan dengan perkara yang berikut:

- (a) pengkulturan, penanaman, penuaian atau pemeliharaan kelapa sawit, getah, padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tebu, teh, bunga, lada atau koko;
- (b) penternakan atau pembiakan ternakan;
- (c) pengkulturan, pembiakan, pemeliharaan atau penangkapan ikan atau lain-lain haiwan akuatik; dan
- (d) pengkulturan, penanaman, penuaian atau pemeliharaan lain-lain tanaman.